

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,**  
**PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK B. SHAARY  
(PENGKALAN CHEPA)**

**TARIKH : 21 OKTOBER 2019**

**SOALAN :**

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan semasa kejadian kegagalan sistem di KLIA baru-baru ini :-

- (a) berapakah kemasukan dan pelepasan warganegara Malaysia dalam tempoh itu dan kemasukan dan pelepasan warganegara asing mengikut pecahan negara asal mereka; dan
- (b) adakah semua warganegara asing yang memasuki Malaysia pada masa itu telah meninggalkan Malaysia.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kemasukan dan pelepasan pelawat asing sepanjang berlakunya gangguan teknikal dan gangguan sistem di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 1 dan 2 tidak dapat diperincikan memandangkan pemeriksaan ke atas pelawat dijalankan secara manual oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian dan JIM sentiasa melaksanakan prosedur mengikut tatacara standard operasi (SOP) seperti yang telah ditetapkan dan Pegawai Kaunter juga menurunkan endosmen keluar dan masuk setelah memastikan segala prosedur pemeriksaan serta syarat kemasukan pelawat dipenuhi selaras dengan prosedur yang telah ditetapkan dari semasa ke semasa dalam menguatkuasakan Akta Imigresen 1959/63, Peraturan-peraturan Imigresen 1963, Akta Pasport 1966, Akta Antipemerdagangan orang dan Antipenyeludupan Migran 2007.

Selain itu, pas khas untuk rujukan ke negeri yang ingin dilawati juga dikeluarkan kepada pelawat asing bagi tujuan semakan dan pemeriksaan yang lebih terperinci oleh JIM di negeri tersebut. Sebagai langkah-langkah tambahan, rujukan senarai syak turut diedarkan kepada Pegawai Kaunter bagi semakan pelawat asing yang tersenarai dalam Senarai Syak jabatan sebelum penurunan cap keselamatan dibuat.

Pihak JIM merekodkan sejumlah 943 orang pelawat asing telah dikenakan arahan Notis Penolakan Masuk (NTL) bagi tempoh 20 hingga 30 Ogos 2019. Manakala bagi tempoh 25 hingga 31 Ogos 2019, seramai 51,188 orang pelawat asing tiba melalui pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 1 dan 2 serta 82,473 orang pelawat asing keluar dari Malaysia bagi tempoh yang sama.

Sukacita untuk ditegaskan di sini bahawa pihak JIM di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur telah mengambil segala langkah kawalan sepanjang insiden kegagalan sistem *Total Airport Management System* (TAMS) dan sentiasa memastikan kawalan pintu masuk Negara tidak dibolosi dengan mudah demi keselamatan Negara.

- (b) Kemasukan warganegara asing adalah mengikut tempoh kelayakan visa Negara masing-masing sama ada 15 atau 30 hari dan melalui mana-mana pintu masuk/keluar yang telah diwartakan selaras dengan Akta Imigresen 1959/63.

Berikutan maklumat kemasukan dan pelepasan pelawat asing sepanjang kegagalan sistem di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur tidak dapat diperincikan, pihak JIM mengambil langkah tambahan selepas tempoh kegagalan sistem tersebut dengan merekodkan seramai 440,258 orang pelawat asing yang meninggalkan Negara pada 25 Ogos hingga 30 September 2019.